

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 6 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada KPM telah menerima laporan Pasukan Petugas Dasar Sijil Peperiksaan Bersepadu (PPDUEC) berhubung peperiksaan itu. Sekiranya tidak, bila Menteri Pendidikan akan berjumpa dengan PPDUEC

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan Pasukan Petugas Dasar *Unified Examination Certificate* (PPDUEC) pada 29 Ogos 2018 untuk mengkaji isu pengiktirafan sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Pelantikan tiga orang ahli PPDUEC telah dibuat oleh YB Menteri Pendidikan pada ketika itu dan mula menjalankan tugas mulai 29 November 2018.

Berdasarkan Terma Rujukan, PPDUEC diberi tempoh tiga hingga enam bulan untuk mengemukakan laporan kajian kepada KPM. Walaupun tempoh kajian telah dilanjutkan sehingga 16 bulan, dengan enam kali pelanjutan tempoh kajian, iaitu sehingga Februari 2020, PPDUEC masih belum menyerahkan laporan kajian berkenaan. Memandangkan tempoh kajian tidak dilanjutkan dan telah tamat pada 29 Februari 2020, maka keanggotaan PPDUEC juga tamat secara automatik pada tarikh yang sama, iaitu 29 Februari 2020.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sehingga kini KPM belum menerima sebarang laporan awal, deraf laporan atau laporan lengkap daripada PPDUEC, sepertimana yang ditetapkan semasa pelantikan dibuat.

Sekian, terima kasih.